



28 JUL, 2026

Perkukuh daya tahan infrastruktur tenaga, air

Sinar Harian, Malaysia



Perkukuh daya tahan infrastruktur tenaga, air

TENAGA Nasional Berhad (TNB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memeterai kerjasama strategik bagi memperkukuh kebolehpercayaan, daya tahan dan kemampuan infrastruktur tenaga dan air negara menerusi Perjanjian Pembekalan Elektrik (*Electricity Supply Agreement, ESA*) dan Perjanjian Pembekalan Tenaga Pendinginan (*Cooling Energy Supply Agreement, CESA*).
Kerjasama itu merupakan satu pencapaian penting dalam memperluas penyelesaian utiliti bersepadu yang meningkatkan kecukupan infrastruktur awam kritikal di samping menyokong aspirasi negara ke arah kemampanan, peralihan tenaga dan jaminan keselamatan bekalan air.
Menerusi ESA, TNB akan membekalkan elektrik voltan tinggi kepada Loji Rawatan Air Sungai Rasau di Kuala Langat, Selangor, loji rawatan air terbesar di Asia Tenggara dengan kapasiti rawatan sebanyak 1,400

juta liter sehari (MLD).
Apabila siap sepenuhnya pada tahun 2031, loji ini dijangka membekalkan air terawat bersih dan selamat kepada 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad berkata, kerjasama ini membuktikan bagaimana integrasi lebih erat antara sektor tenaga dan sektor air mampu memperkukuh daya tahan infrastruktur kritikal negara sekali gus menyokong agenda pembangunan jangka panjang Malaysia.
"Kerjasama ini mencerminkan komitmen TNB dalam menyediakan penyelesaian tenaga yang inovatif dan mampan.
"Dengan menggabungkan kepakaran kami bersama Air Selangor, kami mencipta nilai yang memberi manfaat kepada pelanggan, memperkukuh perkhidmatan utiliti penting serta menyumbang kepada masa



Pertukaran perjanjian disempurnakan oleh Shamsul Ahmad (dua kiri) dan Adam Saffian dalam satu majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur.

depan Malaysia yang lebih lestari," katanya dalam satu kenyataan.
Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Adam Saffian Ghazali berkata, kerjasama tersebut merupakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha berterusan Air Selangor untuk memastikan bekalan air terawat yang bersih dan selamat disalurkan

secara berterusan kepada 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
"Sebagai penyedia perkhidmatan air terbesar di Malaysia serta ahli kepada Leading Utilities of the World (LUOW), memastikan operasi yang cekap, berdaya tahan dan mampan," katanya.